



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 OGOS 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **tujuh (7) kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,828 kes** (96.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 14 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **20 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,149 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 196 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 20 kes baharu yang dilaporkan, tujuh (7) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan enam (6) **warganegara Malaysia** dan satu (1) **bukan warganegara**. Tujuh (7) kes import tersebut adalah dari negara:

- i. Lubnan (3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- ii. Indonesia (1 kes di Selangor);
- iii. Perancis (1 kes di Selangor);
- iv. Yaman (1 kes di Sarawak); dan
- v. Taiwan (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Daripada 13 kes **penularan di dalam negara**, kesemua kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Perincian baki kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (13 kes) adalah:

- i. Kedah:
 - 10 kes daripada Kluster Tawar (kluster ini akan diperincikan di bawah);
 - satu (1) kes Kluster Muda (kluster ini akan diperincikan di bawah); dan
 - satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI).

- ii. Pulau Pinang: satu (1) kes saringan Kluster Tawar kerana mempunyai kontak rapat kepada kes positif COVID-19 (kes ke-9149). Beliau juga mempunyai sejarah melawat kes ke-9113 dan kes ke-9129 di sebuah hospital swasta di Pulau Pinang.

Sehingga kini, terdapat **empat (4) kes** positif COVID-19 sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Satu (1) kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **125 kes** (1.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

KLUSTER MUDA DI KEDAH

KKM ingin memaklumkan bahawa satu kluster baharu yang dikesan di Daerah Kuala Muda, Kedah. Kes pertama kluster ini (iaitu kes ke-9114) adalah lelaki warganegara Malaysia yang merupakan seorang anggota polis. Kes yang dilaporkan pada hari ini (kes ke-9147) adalah merupakan rakan kerja kepada kes indeks.

Susulan itu, aktiviti pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat telah dijalankan pada 13 Ogos 2020 dan kes dikesan positif pada 14 Ogos 2020.

Sehingga 14 Ogos 2020, 124 kontak rapat beliau telah disaring. Daripada jumlah ini:

- iii. Dua (2) kes dikesan positif COVID-19;
- iv. Lima (5) negatif; dan
- v. 117 masih menunggu keputusan.

Kesemua kes bagi kluster ini adalah warganegara Malaysia. Pengesanan kes secara aktif sedang diteruskan dan langkah-langkah pencegahan serta pembendungan jangkitan seperti proses pembersihan dan nyah kuman telah dijalankan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti. Punca jangkitan masih di dalam siasatan.

STATUS TERKINI KLUSTER TAWAR

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat 11 kes baharu dilaporkan bagi Kluster Tawar pada hari ini, iaitu 10 kes di Kedah dan satu (1) kes di Pulau Pinang (iaitu kes ke-9149). Adalah dimaklumkan bahawa kes ke-9129 daripada kluster ini yang dilaporkan semalam telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang daripada

sebuah pusat perubatan swasta, namun kes ini kekal didaftarkan sebagai kes di negeri Kedah.

Sehingga 14 Ogos 2020 jam 12 tengah hari, seramai 261 orang telah disaring dalam kluster ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 21 kes dikesan positif COVID-19. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

1. Kedah (156 disaring):

- 20 kes dikesan positif COVID-19;
- 77 individu negatif; dan
- 59 individu masih menunggu keputusan.

2. Pulau Pinang (105 disaring):

- 1 kes dikesan positif COVID-19;
- 75 individu negatif; dan
- 29 individu masih menunggu keputusan.

Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan bagi kluster ini dan situasi semasa akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM menyeru orang ramai agar terus amalkan nasihat-nasihat yang sering ditekankan oleh KKM sebagai satu kebiasaan baharu

dalam kehidupan harian. Antara nasihat-nasihat tersebut adalah seperti berikut:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (***Crowded place***), elakkan kawasan yang **sempit** (***Confined space***) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (***Close conversation***).

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 Ogos 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 14 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	30
KEDAH	12	155
PULAU PINANG	1	126
PERAK	0	269
SELANGOR	2 (2)	2,144
NEGERI SEMBILAN	0	1,032
MELAKA	0	259
JOHOR	0	749
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	0	415
SARAWAK	1 (1)	682
W.P. KUALA LUMPUR	4 (4)	2,523
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	22
JUMLAH KESELURUHAN	20 (7)	9,149

*() adalah merujuk kepada kes-kes import